



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang berkompetensi, berkelayakan, berwawasan, berfikiran dinamik, berkomunikasi dengan baik, berkeyakinan diri yang tinggi dan boleh menyumbang ke arah kecemerlangan MARA untuk mengisi kekosongan jawatan secara perkhidmatan **Kontrak** seperti yang diterangkan di bawah ini:-

BIL.	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	BILANGAN KEKOSONGAN
1.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional (Kejuruteraan Penyaman Udara dan Penyejukan)	Pendidikan	Pelaksana	DV29	1
2	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Kejuruteraan Penyaman Udara dan Penyejukan)	Pendidikan	Pelaksana	DV 19	1

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:**  
**06 OKTOBER 2023**

### SYARAT UTAMA LANTIKAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
3. Calon bagi lantikan jawatan 1 hingga 2 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf;

## **SYARAT LANTIKAN BAGI JAWATAN:**

### **PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV19**

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19: RM1,435.12);

atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19: RM1,493.24);

### **PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29**

- i) Sijil Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,549.00); atau

- ii) Sijil Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,549.00); atau

- iii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,624.20); atau

- iv) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,699.40) ; atau
- v) Diploma Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,784.80) ; atau
- vi) Diploma dalam Kejuruteraan Seni Bina, Ukur Bahan, Ukur Tanah atau Ukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,860.00).

#### **TARAF JAWATAN:**

Kontrak

#### **SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pegawai-pegawai yang dilantik memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

#### **PERMOHONAN DAN KAEDEAH PELAKSANAAN**

1. Permohonan hendaklah dibuat secara **manual / online** dengan menghantar resume dan salinan sijil-sijil kelulusan yang disahkan ke alamat seperti berikut :-

PENGARAH,  
INSTITUT KEMAHIRAN MARA KOTA KINABALU,  
NO. 3 (LOT 5), MALAWA ZONE,  
JALAN 2 KKIP SELATAN 2,  
KOTA KINABALU INDUSTRIAL PARK,  
88460 KOTA KINABALU, SABAH.

Tel. Pejabat : 088-490 697 / 088-498 197

Alamat emel : [ikmkk@mara.gov.my](mailto:ikmkk@mara.gov.my)

2. Salinan kad pengenalan, surat beranak dan sijil-sijil kelulusan yang disahkan oleh pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan lain-lain keterangan peribadi (RESUME) hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri temu duga.
3. Salinan kad pengenalan dan surat beranak wajib disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.
4. Hanya permohonan yang dihantar ke alamat / online melalui alamat emel seperti di atas sahaja yang diterima. Permohonan yang lewat diterima atau tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan akan ditolak.
5. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan.
6. Semakan pengiktirafan kelayakan ijazah doktor falsafah / ijazah sarjana / ijazah sarjana muda / diploma boleh dibuat melalui laman web Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu: [www2.mqa.gov.my/esisraf](http://www2.mqa.gov.my/esisraf).
7. Pemohon yang melepas saringan sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.
8. **Pemohon-pemohon yang berjaya dalam temuduga sahaja akan dihubungi.** Mereka yang tidak dihubungi dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh temuduga hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
9. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **06 Oktober 2023**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**NAZAHIYAH BINTI MAT ISA**  
Pengarah  
Institut Kemahiran MARA  
Kota Kinabalu, Sabah